

Agihan pendapatan 4.75 sen untuk ASN Imbang 1

Permodalan Nasional Bhd (PNB) mengumumkan, lebih 46,000 pemegang unit Amanah Saham Nasional Imbang 1 (ASN Imbang 1) akan menerima agihan pendapatan 4.75 sen seunit, jumlah pengagihan sebanyak RM61.8 juta untuk tahun kewangan berakhir 30 November 2018.

Ini juga adalah hasil dividen tahun kewangan setakat ini sebanyak 5.01 peratus.

Setakat 31 Oktober 2018, ASN Imbang 1 mencatatkan pendapatan bersih yang direalisasikan sebanyak RM62.70 juta untuk 11 bulan pertama tahun kewangannya, kata PNB.

"Walaupun pasaran terus berada dalam keadaan mencabar, PNB berjaya menjana pulangan dividen yang kompetitif kepada pemegang unit ASN Imbang 1. Kami komited untuk melaksanakan strategi yang diperlukan untuk meningkatkan prestasi dan menjana pulangan yang mampan dalam usaha kami memenuhi mandat untuk menjana kekayaan kepada pemegang unit kami," kata Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Aziz dalam satu kenyataan.

Labur pengagihan

Pengiraan pengagihan pendapatan ASN Imbang 1 adalah berdasarkan unit yang dipegang dan Nilai Aset Bersihnya setakat 30 November 2018.

Pengagihan yang diisytiharkan akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Disember 2018.

Semua urusan niaga ASN Imbang 1 ditangguhkan mulai 30 November 2018 hingga 1 Disember 2018 untuk pengiraan pengagihan pendapatan.

Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui portal ASNB, myasnb.com.my atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara mulai 2 Disember 2018.

ASN Imbang 1 adalah dana di bawah Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah dimiliki sepenuhnya oleh PNB.

BERNAMA



Walaupun pasaran terus berada dalam keadaan

mencabar, PNB berjaya menjana pulangan dividen yang kompetitif kepada pemegang unit ASN Imbang 1"

Zeti Aziz,
Pengerusi Kumpulan PNB